



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 2 MEI 2024**

| <b>BIL</b> | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>   | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>          |
|------------|---|--|
| 1.         | PENYU AGAR KINI DIAMBANG KEPUPUSAN, NEGERI, SH-24                       | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)               |
| 2.         | FAMA PERLIS PASAR 94.28 TAN HARUM MANIS, NEGARA, KOSMO-16               | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 3.         | SABAH LAKSANA PELBAGAI INISIATIF TINGKAT SSL BERAS, DALAM NEGERI, UM-34 | LAIN-LAIN                                      |
| 4.         | MONTH-LONG KAAMATAN KICKS OFF IN RANAU, NATION, THE STAR-6              |  |
| 5.         | RUSA LENGGONG LARIS SEMASA SYAWAL, DALAM NEGERI, UM-9                   |  |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH   | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 2/5/2024 | SINAR HARIAN | NEGERI  | 24         |



Mohd Uzair (dua dari kanan) mengangkat bangkai penyu agar jantan yang terdampar di Pantai Maras, Kuala Nerus.

## Penyu agar kini di ambang kepupusan

Ada yang melakukan khianat dengan memukul penyu untuk mendapatkan telur

Oleh NORHASPIDA YATIM  
KUALA TERENGGANU

Usaha pemuliharaan spesies penyu termasuk rekod kematian haiwan itu perlu diberi perhatian serius semua pihak.

Ini berikutan negara sudah kehilangan khazanah berharga iaitu penyu belimbing yang kali terakhir direkodkan mendarat pada 2017.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Uzair Rusli berkata, laporan awal mengenai penemuan setiap penyu atau mana-mara spesies penting kerana ia dapat membantu menyelamatkan reptilia laut terbabit.

Menurutnya, tahap kesedaran orang ramai mengenai tindakan perlu dilakukan sekiranya terjumpa penyu atau sebarang spesies marin lain sama ada masih hidup atau mati masih belum memuaskan.

Jelasnya, hasil pemerhatian men-

dapati masyarakat masih belum mengetahui jabatan atau agensi bertanggungjawab dalam menguruskan penemuan itu.

"Laporan pantas mampu menyelamatkan penyu hidup sekiranya kecederaan dialami tidak parah.

"Penemuan tidak dilaporkan berisiko menjejaskan rekod serta data berkait rapat kajian susulan dijalankan terhadap hidupan laut berkenaan.

"Oleh itu, jabatan dan agensi berkaitan perlu memperhebatkan lagi program kesedaran supaya orang ramai tahu apakah tindakan perlu diambil sekiranya terjumpa penyu atau spesies terancam lain," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Selasa lalu, bangkai seekor penyu dijumpai terdampar di Pantai Maras, Kuala Nerus.

Penemuan itu dilaporkan kepada polis yang kemudiannya menghubungi UMT untuk tindakan lanjut.

Menurut Mohd Uzair, bangkai penyu jantan itu merupakan spesies penyu agar yang hanya akan kembali ke perairan cetek sekitar kepulauan negeri ini ketika musim bertelur khususnya pada Mac hingga Jun.

Katanya, penemuan bangkai penyu memberi petanda kualiti laut yang memberi sumber protein utama semakin terjejas.

"Musim penyu bertelur tidak sepatutnya menjadi musim penyu mati

terdampar.

"Penyu akan kembali ke pantai untuk meneruskan kelangsungan populasi dengan bertelur, bukan untuk dikhianati.

"100 peratus kehidupan penyu jantan adalah dalam air, namun usaha menyelamatkan penyu banyak tertumpu di daratan.

"Kita sudah hilang penyu belimbing, jangan nanti hilang penyu agar pula. Usaha menyelamatkan penyu adalah tanggungjawab semua," ujarnya.

Berdasarkan rekod, terdapat tiga spesies penyu masih mendarat di negeri ini antaranya agar, karah dan lilipas.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai trend penemuan bangkai penyu di Terengganu tahun ini, Mohd Uzair berkata, jumlahnya lebih rendah berbanding data direkodkan dalam tempoh sama tahun lalu.

"Banyak faktor menyebabkan kematian penyu termasuk antara direkodkan disebabkan kecuai manusia seperti terperangkap dalam pukat.

"Ada juga yang melakukan perbuatan khianat dengan memukul penyu semata-mata mahu mengambil telurnya," katanya.

Mana-mana individu yang terjumpa penyu atau haiwan laut terancam perlu segera hubungi Jabatan Perikanan melalui talian Hotline Fishcom yang dibuka 24 jam iaitu 03-88885019 atau 03-88704058.





| TARIKH   | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|-------|---------|------------|
| 2/5/2024 | KOSMO | NEGARA  | 16         |



MOHD. ANZARA (kanan) menunjukkan kotak jualan mangga harumanis yang laris di sebuah pusat beli-belah di Lembah Klang baru-baru ini.

Sambutan di Lembah Klang amat menggalakkan

## FAMA Perlis pasar 94.28 tan harumanis

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

**KANGAR** – Sebanyak 94.28 tan metrik mangga harumanis telah dipasarkan oleh Agensi Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri pada musim tuaian tahun ini.

Pengarah FAMA Perlis, Mohd. Anzara Azizan berkata, jumlah tuaian itu melibatkan 0.74 tan metrik mangga dengan nilai RM15,916.85 yang dibeli daripada 14 orang pengusaha harumanis oleh Pusat Operasi FAMA menerusi khidmat pemasaran langsung.

“Menerusi khidmat pemasaran tidak langsung iaitu pengatur-  
an pasaran kepada pelanggan,

FAMA berjaya mengatur perniagaan sebanyak 80.5 metrik tan melibatkan 5 pengusaha dengan nilai RM 1.6 juta.

“Bagi pemasaran secara atas talian melalui Agrobazaar Online pula sebanyak 3.04 tan metrik mangga harumanis berjaya dipasarkan dengan nilai RM90,000,” katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Menurut Mohd. Anzara, sambutan pasaran di Lembah Klang sangat menggalakkan seperti mana Jualan Agro Madani Perlis Kedah Day yang dianjurkan FAMA pada 26 April lalu dan program Agrofesta 2024 juga pada tarikh sama hingga 28 April di AEON Alpha Angle Wangsa Maju,

Kuala Lumpur.

Katanya, sebanyak 10 tan metrik harumanis berjaya dipasarkan pada kedua-dua program ini dan nilai jualan yang dicatatkan oleh usahawan negeri Perlis untuk kedua-dua program ini ialah sebanyak RM230,000.

“Selain jualan segar, FAMA Perlis memfokuskan pemasaran produk industri makanan asas tani berasaskan harumanis dengan sebanyak enam produk diperkenalkan semasa program tersebut

“Antara produk hiliran berasaskan mangga tersebut adalah aiskrim, jus, jem, marmalade pulut dan kordial harumanis,” tambahnya.



2/5/2024

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

34

# Sabah laksana pelbagai inisiatif tingkat SSL beras

**RANAU:** Kerajaan negeri mengambil pelbagai inisiatif bagi meningkatkan tahap sara diri (SSL) hasil pertanian terutamanya padi bagi memperkukuhkan keterjaminan makanan di Sabah.

Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor berkata, kerajaan negeri telah mewujudkan jawatankuasa pengurusan tertinggi di peringkat Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan bagi membincangkan dan menangani isu-isu berkaitan keterjaminan makanan.

Pada masa ini, Sabah hanya mencapai tahap sara diri sebanyak 22.8 peratus sahaja dan selebihnya masih bergantung kepada bekalan beras daripada sumber luar atau beras import.

"Susulan itu, pada 17 April lalu, Kabinet negeri bersetuju menghidupkan semula Lembaga Padi dan Beras Sabah sebagai sebahagian inisiatif meningkatkan pengeluaran dan keselamatan makanan di negeri ini. Ia juga antara usaha kerajaan negeri meningkatkan tahap sara diri beras.

"Selain itu, pemberian insentif pembajakan sawah padi



**JEFFREY Kitingan (tengah) bersama Pemimpin Agung Kadazan Dusun, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan (dua, kiri) menyempurnakan simbolik pelancaran Pesta Kaamatan peringkat negeri di Ranau, Sabah, semalam.**

dengan peruntukan sebanyak RM18 juta antara inisiatif yang dilaksanakan dalam Bajet Kaamatan peringkat negeri Sabah di Dewan Masyarakat, di sini semalam.

Teks ucapannya dibaca oleh

Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan negeri, Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan.

Menurut Hajiji, antara inisiatif lain yang turut dilakukan termasuklah pemuliharaan tanah sawah terbiar, pembangunan padi tanah kering, penambahan bilangan jentera pembajak dan jentuai, pemberian baja pada kadar optimum serta pemberian subsidi penjualan padi kepada semua pengusaha dengan peruntukan RM5.16 juta.

Bagi meningkatkan lagi pengeluaran tanaman, katanya, kerajaan negeri melalui syarikat berkaitan kerajaan seperti Sawit Kinabalu turut mengambil bahagian dalam penanaman padi dengan kaedah moden untuk meningkatkan tanaman dan bekalan beras tempatan.

Katanya, Sawit Kinabalu telah menyediakan kawasan yang sesuai khusus bagi tujuan tanaman padi. Ini adalah sebahagian daripada inisiatif kita dan banyak lagi yang lain akan dilaksanakan bagi memastikan pengeluaran serta keterjaminan makanan di negeri ini.



### Welcoming the harvest season:

Kitingan (centre) cutting padi stalks with other dignitaries to mark the official launch of the Kaamatan festival at the Ranau Community Hall.



## Month-long Kaamatan kicks off in Ranau

**KOTA KINABALU:** This year's month-long Tadau Kaamatan (harvest festival) kicked off in Ranau, nestled at the foothills of Mount Kinabalu, with an emphasis on enhancing food production.

Themed "Kaamatan, Poingalib Kohiganon Taakanon" (Kaamatan Beyond Food Security), the colourful festival of the Kadazandusun, Murut and Rungus communities across Sabah will showcase their traditional dances, music and games, leading up to the state-level celebration at the Hongkod Koisaa In Penampang on May 30 and 31.

The launch ceremony yesterday also signalled the quest to find this year's Unduk Ngadau (beauty pageant) queen from every district in Sabah and among Sabahans living in other states.

The launch was marked with the symbolic cutting of padi stalks and beating of

the gong seven times by Deputy Chief Minister Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan, who represented Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor.

In his speech, Hajiji said the government is taking various initiatives to enhance the level of self-sufficiency in agricultural products, especially rice, to strengthen food security in the state.

The state government, he said, has established a high-level management committee under the state Agriculture, Fisheries and Food Industry Ministry to address issues related to food security.

"Sabah currently only achieves a self-sufficiency level of 22.8%, with the rest still dependent on rice supplies from external sources or imported rice.

"At the same time, uncertain weather conditions greatly affect agricultural yields, including in this state.

"Therefore, on April 17, the state Cabinet agreed to revive the Sabah Padi Board as part of initiatives to increase production and food security in the state. It is also among the state government's efforts to increase rice self-sufficiency levels.

Hajiji also noted that RM18mil for padi field-ploughing incentives has been allocated under Budget 2024.

Other initiatives include the reclamation of idle padi fields, the development of upland rice, an increase in the number of ploughing and transplanting machinery, the provision of fertilisers at optimum rates and an allocation of RM5.16mil for subsidies for padi sales to all farmers.

On the celebration, Hajiji said, "The Kaamatan Festival not only aims to strengthen unity among people of different races and religions, but also to express gratitude for a good harvest."



| TARIKH   | MEDIA           | RUANGAN      | MUKA SURAT |
|----------|-----------------|--------------|------------|
| 2/5/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9          |



LADANG ternakan di Mukim Durian Pipit. Lenggong adalah antara fokus Perak mengenai sekuriti makanan di bawah pelan Perak Sejahtera 2030.

# Rusa Lenggong laris semasa Syawal

Oleh **FADZIL ZAINOL**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**LENGONG:** Selain dikenali sebagai lokasi sejarah berusia jutaan tahun dan penemuan rangka Perak Man, Lenggong turut memiliki keistimewaan tersendiri apabila sedang diusahakan ladang ternakan rusa bagi memenuhi permintaan tinggi daging haiwan tersebut.

Ladang ternakan itu yang terletak di Mukim Durian Pipit, kini mempunyai kira-kira 250 ekor rusa baka timorensis melibatkan keluasan tanah melebihi 20 hektar.

Pengurus Ternakan Rusa dan AgroPelancongan Prospek Lenggong, Mohd. Izwan Noor Azman berkata, ternakan itu diusahakan secara bersama sejak 2020 oleh anggota Koperasi Penggerak Ekonomi Lenggong Berhad di samping sokongan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta

Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri (SADC) Perak.

Katanya, menjelang Syawal baru-baru ini, ladang ternakan itu membuka tempahan kepada penggemar daging rusa. Sebanyak 15 ekor yang disembelih dengan hasil jualan dicatatkan kira-kira RM25,000.

Mohd. Izwan bagaimanapun berkata, jualan yang dilakukan itu adalah terhad bagi memastikan pembiakan haiwan dapat dikawal dan berpanjangan.

“Memang permintaan tinggi. Tetapi kita tidak boleh sembelih banyak untuk menjaga baka. Jadi kita terhadkan jualan untuk hari raya sahaja,” katanya.

Harga daging rusa itu adalah RM75 sekilogram, namun kata beliau, ia boleh meningkat apabila keluar dari Lenggong sehingga pernah mencecah RM90 hingga RM140 sekilogram.

Perkembangan itu juga selari

dengan hasrat Kerajaan Negeri Perak di bawah Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad menerusi pelan Perak Sejahtera 2030, terutama *flagship* pertama iaitu Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan).

Antara penumpuan *flagship* tersebut adalah hab daging halal antarabangsa, Perak International Agro Fest, hab agropelancongan serta Akademi Sekuriti Makanan.

Mohd. Izwan berkata, ternakan di situ diberi penumpuan tinggi termasuk dari segi khasiat makanan bagi memastikan daging berkualiti dapat dikeluarkan.

“Potensi sangat cerah kerana permintaan domestik sahaja sangat tinggi. Di hotel dan restoran memang ada permintaan,” katanya.

Berhubung permintaan, katanya, daging rusa mempunyai penggemar tersendiri yang menghubungi pihak pengusaha ladang itu untuk sebarang pertanyaan dan pembelian.

**2030  
PERAK  
SEJAHTERA**